

17/02/1997

Pulau Tioman dimaju ala bandar di Itali

KUANTAN, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Kerajaan Pahang meningkatkan pembangunan pelancongan Pulau Tioman, termasuk menubuhkan 'Bandar Pulau' yang bersesuaian dengan muka bumi pulau peranginan itu.

Perdana Menteri mengeluarkan arahan itu ketika mengadakan lawatan peribadi tiga hari baru-baru ini di pulau itu.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri dengan diiringi Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, meninjau sekitar pulau melalui udara, bot dan berjalan kaki.

Bagi menjadikan arahan itu satu kenyataan, kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) akan membuat kajian menyeluruh, antara lain membabitkan bekalan air, penambahan hotel, pembesaran lapangan terbang dan alam sekitar.

Ketika ditemui selepas majlis rumah terbuka anjuran Jawatankuasa Perundingan Kaum Cina, daerah Kuantan, di Kompleks Belia Indera Mahkota di sini, hari ini, Mohd Khalil berkata:

"Konsep pembinaan bandar pulau itu menyerupai bandar pulau di Itali dan Greece yang menjadi tumpuan utama pelancong seluruh dunia.

"Ia akan dibina mengikut mukabumi Tioman dan pembinaannya tidak memerlukan mencantas bukit-bukau dan pembukaan hutan semulajadi, sebaliknya kawasan dikenal pasti ialah ladang getah dan kelapa terbiar."

Beliau berkata, bandar pulau itu yang dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) mempunyai pelbagai kemudahan seperti restoran, kedai runcit dan pusat kraftangan.

Menurutnya, projek pembangunan itu nanti tidak mengganggu kawasan tadahan air, termasuk beberapa sungai dan air terjun, bagi menjamin bekalan air kepada hotel, chalet dan penduduk tempatan mencukupi.

Dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang, Kerajaan Pahang juga bercadang membesarkan lagi landasan Lapangan Terbang Tioman di Kampung Tekek bagi membolehkan pesawat besar mendarat di situ.

Ketika ini, kerja memanjang landasan sedia ada untuk menampung pendaratan pesawat DASH-7 yang boleh membawa kira-kira 50 penumpang, siap 70 peratus.

"Landasan itu perlu dibesarkan supaya pesawat lebih besar dapat mendarat bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai pelancong asing dan tempatan," katanya.

Mohd Khalil berkata, trek pejalan kaki juga akan dinaikan taraf untuk membolehkan pelancong meninjau persekitaran Tioman dengan menaiki kenderaan ringan.

(END)